

# Wujudkan Sekolah Pengajian Islam di UMS

28/10/06  
A7

Oleh **ABD NADDIN HJ SHAIDDIN**  
abdnaddin@yahoo.com

**KOTA KINABALU:** Kerajaan diminta mewujudkan Sekolah Pengajian Islam di Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk memberi lebih banyak peluang kepada pelajar dari dalam dan luar negeri melanjutkan pelajaran mereka dalam pelbagai bidang pengajian Islam yang boleh ditawarkan oleh universiti itu kelak, kata Ketua Belia Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (Usia), Haji Abdul Hakim Haji Gulam Hassan.

Beliau berkata Belia Usia meminta kerajaan supaya mempertimbangkan permintaan untuk mewujudkan Sekolah Pengajian Islam di UMS kerana sudah tiba masanya sebuah sekolah pengajian Islam di wujudkan universititercantik di Asia Tenggara itu.

Jelasnya, sebelum ini gesaan serupa pernah disuarakan oleh NGO-NGO Islam di Sabah sebelum ini yang turut merasakan keperluan untuk mewujudkan sekolah pengajian Islam di negeri ini.

Katanya, cadangan supaya kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi mewujudkan Sekolah Pengajian Islam di Sabah adalah amat bertepatan dengan keperluan untuk menyediakan lebih banyak tempat kepada pelajar yang meneruskan pengajian dalam bidang agama tanpa perlu ke Semenanjung atau keluar negara.

Selain itu, jika cadangan itu direalisasikan ia sudah tentu akan menarik lebih ramai pelajar dari luar Sabah untuk mengikuti pengajian di UMS dan membantu meningkatkan ekonomi negara.

Menurutnya, penubuhan Sekolah Pengajian Islam di UMS dirasakan perlu kerana ia sejajar dengan usaha kerajaan memperkukuh pembinaan modal insan berkualiti.

“Penubuhan Sekolah Pengajian Islam itu kelak akan memberi banyak peluang kepada anak tempatan untuk mengecapi pendidikan dalam bidang agama.

Sementara itu, beliau juga menggesa kerajaan untuk memberikan perhatian serius terhadap cadangan supaya lebih banyak sekolah rendah dan

menengah agama- bahkan kalau boleh di setiap kawasan DUN, bagi memberi peluang kepada anak-anak mencicipi pendidikan agama.

Beliau juga merayu supaya kerajaan supaya memperbaiki keadaan sekolah-sekolah agama yang berada dalam keadaan daif, meningkatkan kemudahan dan peralatan sekolah bagi membolehkan anak-anak belajar dengan sempurna.

Menurutnya, masih terdapat sekolah agama yang memerlukan bantuan kerajaan untuk membaiki prasarana sekolah termasuk membekalkan kerusi dan meja yang mencukupi untuk sekolah agama.

Abd. Hakim juga meminta masalah kekurangan guru agama dapat diatasi selain menggesa supaya gaji dan elaun guru agama di Sabah dinaikkan bagi meningkatkan kesejahteraan mereka.

Jelasnya, pelajaran agama adalah amat penting diterapkan kepada generasi muda supaya mereka tidak terjebak dalam pelbagai gejala sosial yang dilahirkan oleh peradaban moden yang mementingkan

material dan individu.

“Kerana itu, pendidikan agama dirasakan amat perlu diperhebatkan supaya generasi muda tidak terpesong dalam dunia yang mengagungkan konsumerisme,” katanya.

Beliau menambah, usaha menambahkan dan memperkasakan sekolah agama selain mewujudkan Sekolah Pengajian Islam di UMS sedikit sebanyak dapat membantu memperkasa dan memperkuat ummah.



**KEMUDAHAN...** Menteri Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah, Datuk Hajah Azizah Mohd Dun, menyampaikan sumbangan keperluan masjid dan surau di kawasan DUN Klias yang berupa pembesar suara, langsir dan sejadah kepada Jawatankuasa Pergerakan Wanita selepas mempengerusikan mesyuarat sayap Umno Bahagian Beaufort.

Azizah yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno Bahagian Beaufort berkata, jentera wanita harus menjadi mata dan telinga bagi memastikan segala keperluan rakyat di daerah itu dimaklumkan kepada beliau dengan segera agar bantuan dan kemudahan untuk rakyat dapat disalurkan dan menepati sasaran.-Oleh Abdul Bakar Esah